

12 SEP 1997

Mahathir-Latihan

MALAYSIA TAWAR LATIHAN DALAM ENAM BIDANG UNTUK BANTU KYRGYZ

Oleh: Zulkefli Salleh

BISHKEK (Kyrgyzstan), 12 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menawarkan latihan dalam enam bidang penting kepada rakyat Kyrgyz untuk membantu negara Asia Tengah ini dalam pembangunan.

Dr Mahathir juga telah menyerahkan laporan kajian ekonomi bersama yang menyeluruh mengenai Republik Kyrgyz kepada Presiden Askar Akayev untuk melengkapkan pembangunan negara ini dan peralihannya ke ekonomi pasaran.

Tawaran untuk latihan dan penyampaian laporan ekonomi itu dibuat pada mesyuarat delegasi antara kedua-dua pihak sempena lawatan kerja tiga hari Perdana Menteri ke negara ini.

Antara bidang-bidang latihan tertentu yang boleh ditawarkan Malaysia ialah perbankan, sektor kewangan dan sistem fiskal; hal ehwal undang-undang dan perlembagaan; perdagangan dan perindustrian; sektor tenaga; pertanian dan pengangkutan, kata Dr Mahathir dalam ucapannya pada mesyuarat itu.

Sebagai rakan dalam golygon negara membangun, Malaysia mempunyai sumber yang terhad, dengan itu Malaysia berpendapat cara paling berkesan untuknya memberi sumbangan ialah dengan memberi latihan dan berkongsi pengalaman termasuk latihan sambil kerja, katanya.

Di samping itu, kata beliau, beliau melihat potensi yang besar dalam kerjasama antara sektor swasta kedua-dua negara. Dewan-dewan perniagaan yang berkaitan boleh memulakan dengan mewujudkan perikatan strategik dan mengkaji bidang-bidang perniagaan yang berpotensi.

Katanya beliau diberitahu bahawa sesetengah usaha bagi kerjasama itu sudahpun dimulakan.

Dr Mahathir berkata tawaran latihan dalam perbankan dan sektor kewangan dibuat kerana ia merupakan sektor penting memandangkan sektor kewangan yang kukuh dapat memberi sumbangan besar kepada pembinaan keyakinan pelabur.

Ini akan meliputi latihan dan peningkatan taraf bagi pegawai bank Kyrgyz di Bank Negara untuk meliputi dasar kewangan, operasi bank perdagangan, penilaian dan menguruskan risiko dan menggalakkan pelaburan, katanya.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja pula akan menyediakan latihan mengenai sistem cukai dan fiskal.

Malaysia juga boleh membantu Kyrgyz untuk menubuhkan badan seperti Lembaga Kemajuan Perindustrian (MIDA) dan penubuhan agensi bagi menyelia pengurusan kawasan perdagangan bebas.

Pegawai Kyrgyz juga boleh ditempatkan di MIDA untuk mempelajari kaedah pengubalan dasar perindustrian dan penggalakan serta pengurusan pelaburan.

Bagi sektor tenaga, Malaysia boleh memberi pendedahan kepada Kyrgyz mengenai pengalamannya dalam penswastaan sektor tenaga manakala bagi sektor pertanian, Malaysia boleh berkongsi pengalaman dalam pengesanan dan penilaian projek pertanian, katanya.

Mengenai laporan ekonomi bersama itu, Dr Mahathir berkata ia disiapkan dalam masa setahun. "Ia tidak mempunyai jawapan kepada semua persoalan tetapi ia menghuraikan pengalaman kita sendiri yang sungguh banyak dalam bidang pembangunan," katanya.

Dr Mahathir berkata tujuan kajian itu ialah memberi panduan hala tuju ekonomi untuk faedah pegawai kanan Kyrgyz, di samping mengenal pasti bidang-bidang yang mempunyai potensi untuk pelaburan asing.

Kajian ekonomi bersama itu yang dimulakan pada September tahun lepas, dijalankan oleh Unit Perancangan Ekonomi Malaysia (EPU) di Jabatan Perdana

Menteri dan Kementerian Kewangan Republik Kyrgyz. Ia memberi analisis tentang 11 sektor yang dikenal pasti oleh pegawai kanan Malaysia sebagai memerlukan perhatian khusus.

Dr Mahathir berkata pendekatan kajian itu ialah memaksimumkan penggunaan sumber yang terhad dengan memastikan bahawa pembangunan sesuatu sektor akan seterusnya menyokong pembangunan sektor lain.

"Kajian itu seharusnya menjadi pelengkap kepada banyak kajian yang sudah dijalankan oleh pelbagai agensi bantuan dan pertubuhan antarabangsa untuk Republik Kyrgyz," katanya.

Presiden Akayev, pada persidangan berita bersama kemudian, berkata laporan itu merupakan laporan yang paling istimewa pernah disediakan untuk Kyrgyz dan beliau menganggapnya sebagai hadiah khas daripada rakan istimewa.

Beliau menamakan laporan itu sebagai "Rancangan Mahathir."

Kerajaan Kyrgyz mencadangkan penubuhan jawatankuasa bersama peringkat tinggi antara pegawai Kyrgyz dan Malaysia untuk menyelia pelaksanaan laporan itu dan sebuah tabung khas akan ditubuhkan untuk melaksanakan segera sesetengah daripada cadangan yang terkandung di dalamnya, katanya.

Mengenai tawaran Malaysia untuk melatih pegawai Kyrgyz, Akayev berkata beliau menganggapnya sebagai sumbangan yang bernilai kepada pembangunan Kyrgyz dan akan memberi sumbangan besar kepada peningkatan hubungan dua hala.

Dr Mahathir juga berkata sejak lawatannya yang pertama ke Kyrgyz tahun lepas dan lawatan Akayev tahun sebelumnya, kedua-dua negara telah memperkembangkan perhubungan mereka dan beliau menganggap presiden Kyrgyz sebagai rakan peribadinya.

Oleh sebab itu, Malaysia ingin bekerjasama rapat dengan rakyat Kyrgyz dalam usaha mereka untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya, kata beliau ketika menjawab pertanyaan wartawan tempatan mengapa Malaysia memilih Kyrgyz untuk membuat laporan ekonomi itu.

Dr Mahathir juga berkata memandangkan Kyrgyz merupakan negara yang kecil secara perbandingan, Malaysia mendapati tidak sukar untuknya membantu dalam pembangunannya.

Bersempena dengan penyampaian laporan itu, EPU dan Kementerian Kewangan Kyrgyz menandatangani Perjanjian Pelengkapan Mengenai Kerjasama Ekonomi. EPU diwakili Ketua Pengarahnya Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman manakala Menteri Kewangan Kyrgyz Toalaybek Koychumanov menandatangani bagi pihak kerajaannya.

-- BERNAMA

ZKS RM NMO